



Perindustrian

Sistem Bahasa (Kertas 1)

Bahagian A

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 1 Ali mengikuti lawatan ke kilang memproses makanan yang pihak sekolah menganjurkan.
A pihak sekolah anjur
B pihak sekolah anjurkan
C dianjurkan oleh pihak sekolah
D pihak sekolah menganjurkan
- 2 Tujuan lawatan ke kilang coklat tersebut adalah untuk memberikan pengalaman kepada ahli Kelab Keusahawanan.
A diberi pengalaman kepada
B berikan pengalaman kepada
C memberi pengalaman kepada
D memberikan pengalaman kepada
- 3 Masalah bau busuk yang berpunca dari kilang tersebut telah menyebabkan penduduk taman berasa kurang selesa.
A berpunca daripada kilang
B berpunca kepada kilang
C berpunca pada kilang
D berpunca dari kilang
- 4 Selain bermanfaat menyihatkan badan, madu juga mengandungi khasiat yang tinggi untuk kesihatan rambut.
A dikandung khasiat yang tinggi
B terkandung yang tinggi khasiat
C terkandung yang khasiat tinggi
D mengandungi khasiat yang tinggi

Bahagian B

Tukarkan ayat pasif di bawah kepada ayat aktif.

- 1 Bangunan itu dicat oleh tiga orang pekerja.

- 2 Majlis itu dirasmikan oleh pegawai daerah.

- 3 Cadangan itu kami sokong tanpa bantahan.

- 4 Lalang di kawasan itu telah ditebas oleh Ziyad semalam.

- 5 Pengalaman sesat di hutan itu tidak akan kami lupakan sampai bila-bila.
